



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Une, B. (1989). Kebudayaan Kebendaan Etnik Melanau: Penerokaan Pengeksploitasian ke Arab Pewujudan Aktiviti Ekonomi dan Pengekalan Tradisi Benda. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 225-230

KEBUDAYAAN KEBENDAAN ETNIK MELANAU**PENEROKAAN PENGEKSPLORITASI KE ARAB PEWUJUDAN AKTIVITI EKONOMI DAN PENGEKALAN TRADISI BENDA**

Bedui Une

MUQADIMAH

Kertas kerja kecil ini tidak akan menggariskan butiran-butiran mengenai kebudayaan kebendaan etnik Melanau secara eksplisit mengikut tatacara disiplin sains sosial. Ia tidak juga boleh dianggap sebagai usaha untuk mendokumentasikan intipati aspek budaya yang berkenaan sebagaimana yang diharapkan dari catatan-catatan kajian yang bersifat etnografik. Sebaliknya, kertas kerja ini cuba menggetis kita semua untuk memikirkan secara serius kemungkinan-kemungkinan ianya dijelajahi. Jika kita berjaya menghasilkan sesuatu daripadanya kita tidak hanya berhasil mempertunjukkan aspek-aspek kebudayaan kebendaan komuniti Melanau, tetapi turut mengukuhkan tradisi budaya benda yang mempunyai potensi besar untuk dieksploitasi.

Sekaitan dengan tujuan di atas, kita amat menaruh harapan agar kepekaan komuniti Melanau tertanam subur untuk nantinya membuah sesuatu yang konstruktif. Justeru itu, kita amat memerlukan kajian-kajian yang terperinci mengenai segala aspek budaya etnik Melanau secara total dan mendalam.

Memang terdapat kajian-kajian mengenai komuniti Melanau yang telah dilaku serta didokumentasikan tetapi sayangnya kebanyakan kajian itu tertumpu di satu-satu lokaliti tertentu sahaja. Realitinya penempatan geografikal Melanau ini meliputi satu kawasan yang luas, terutamanya kawasan persisiran dari Kuala Rajang, Bahagian Sarikei hingga ke Miri, Bahagian Miri Sarawak. Maka, oleh sebab itu, kita pada hakikatnya masih ketandusan kajian terperinci yang menyeluruh. Kita juga memerlukan kajian penyelidikan silang budaya sub-etnik Melanau untuk nantinya dapat memberi gambaran kasar budaya masyarakat Melanau di Sarawak.

KEBUDAYAAN KEBENDAAN ETNIK MELANAU

Penerokaan Pengeksplotasian Ke Arah Pewujudan Aktiviti Ekonomi Dan Pengekalan Tradisi Benda

oleh

Bedui Une

MUQADIMAH

Kertaskerja kecil ini tidak akan menggariskan butiran-butiran mengenai kebudayaan kebendaan etnik Melanau secara eksplisit mengikut tatacara disiplin sains sosial. Ia tidak juga boleh dianggap sebagai usaha untuk mendo-kumentasikan intipati aspek budaya yang berkenaan sebagaimana yang di-harapkan dari catatan-catatan kajian yang bersifat etnografik. Sebaliknya, kertaskerja ini cuba menggetis kita semua untuk memikirkan secara serius kemungkinan-kemungkinan ianya dijelajahi. Jika kita berjaya menghasilkan sesuatu daripadanya kita tidak hanya berhasil mempertonjolkan aspek-aspek kebudayaan kebendaan komuniti Melanau, tetapi turut mengukuhkan tradisi budaya benda yang mempunyai potensi besar untuk dieksplotasi.

Sekaitan dengan tujuan di atas, kita amat menaruh harapan agar kepekaan komuniti Melanau tertanam subur untuk nantinya membuahakan sesuatu yang konstruktif. Justeru itu, kita amat memerlukan kajian-kajian yang terperinci mengenai segala aspek budaya etnik Melanau secara total dan mendalam.

Memang terdapat kajian-kajian mengenai komuniti Melanau yang telah dilaku serta didokumentasikan tetapi sayangnya kebanyakan kajian itu tertumpu di satu-satu lokaliti tertentu sahaja. Realitinya penempatan geogra-fikal Melanau ini meliputi satu kawasan yang luas, terutamanya kawasan persisiran dari Kuala Rajang, Bahagian Sarikei hingga ke Miri, Bahagian Miri Sarawak. Maka, oleh sebab itu, kita pada hakikatnya masih ketandusan kajian terperinci yang menyeluruh. Kita juga memerlukan kajian penyelidikan silang budaya sub-etnik Melanau untuk nantinya dapat memberi gambaran kasar budaya masyarakat Melanau di Sarawak.

Budaya benda masyarakat serta komuniti minoriti di dunia ini telah begitu banyak diselongkar. Pembuka jalan kepada selongkaran ini bermula daripada catatan-catatan pengembara yang selanjutnya disusulikut dengan kajian-kajian oleh ahli-ahli sains sosial. Ini kemudiannya diikuti oleh pengeksplotasian total ke atas komuniti berkenaan untuk memenuhi ke-pentingan-kepentingan peribadi individu-individu pengkaji dari luar. Sewajarnya kita perlu menganggap bahawa kejadian seumpama ini suatu tragedi malang yang sepatutnya tidak harus berlaku. Justeru itu kita perlu menggerakkan diri dari segi pemerolehan ilmu sebelum tradisi negatif yakin